

**PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

SOALAN : Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah tangkapan yang telah dibuat untuk penyeludupan beras ke dalam negara daripada negara-negara jiran dan anggaran jumlah beras yang diseludup ke dalam negara untuk tahun-tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 sehingga Februari 2015.

JAWAPAN:

Jumlah kes penyeludupan beras ke dalam negara dan jumlah rampasan bagi tahun 2010 sehingga 2015 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KES PENYELUDUPAN	JUMLAH RAMPASAN (Metrik Tan)
2010	252	414.76
2011	222	369.12
2012	255	123.97
2013	227	71.08
2014	346	155.76
2015 (sehingga Feb)	30	15.12
JUMLAH BESAR	1,332	1,149.81

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 459

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

RUJUKAN : 7680

SOALAN:

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah kes pemalsuan dokumen awam (sijil nikah) dalam Report Kuala Kedah/000529/14(3/3/2014) disiasat oleh Jabatan Agama Kedah dan tidak oleh pasukan Polis.

JAWAPAN:

Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menerima laporan polis berkait Kuala Kedah report 529/14 pada 3 Mac 2014 berkaitan penemuan salinan sijil nikah yang dipercayai palsu diletakkan di hadapan pintu rumah pengadu dan tidak mengetahui individu yang meletakkannya. Pengadu merupakan anak qariah Masjid Tuanku Abdul Rahman Putra, Kuala Kedah, Kedah dalam laporannya tidak berpuas hati dengan berapa salinan sijil-sijil pernikahan yang tidak melalui prosedur pernikahan yang betul dan melanggari Enakmen Nikah Kahwin negeri oleh pihak pentadbiran masjid berkenaan.

Pengadu tidak dapat mengemukakan dokumen asal sijil-sijil nikah berkenaan dalam aduannya dan tidak mengetahui siapa yang meletakkan salinan sijil berkenaan. Sehubungan itu, siasatan lanjut tidak dapat dijalankan oleh pihak polis kerana tiada petunjuk yang boleh membantu siasatan dan kes tersebut telah dirujuk ke agensi lain (Pejabat Agama) untuk siasatan dalaman. Pihak polis akan menjalankan siasatan jika terdapat petunjuk baru dalam kes ini.